

SK CATHOLIC ENGLISH PENDIDIKAN MORAL TAHUN 4

*PdPR Minggu 34
Selasa 12^{hb} Oktober 2021*

UNIT 14 TOLERANSI Bertolak Ansur Amalan Terpuji

Disediakan oleh Cikgu Hamisah



UNIT 14

12





BERTOLAK ANSUR AMALAN TERPUJI



Hayati situasi.

Bisingnya!

Kumutha, kawal diri kamu. Tarian singa ini merupakan budaya jiran kita yang berbangsa Cina. Kita patut memahami budaya mereka dan bertolak ansur.



1 Ayah, kami hendak cepat ke kelas tambahan tetapi jalan ini ditutup! Bagaimanakah kita hendak lalu?

2 Sabar, Elisa. Jangan risau. Ayah akan ikut laluan lain.

3 Elisa, kamu patut bersabar dan bertolak ansur agar hidup berjiran menjadi lebih harmoni.

4 Maafkan saya. Barulah saya faham. Kita patut bertolak ansur untuk mengelakkan perselisihan faham.

5 Ya, betul. Jadi, kita patut berasa bangga kerana dapat bertoleransi dengan jiran.

- ◆ Berdasarkan situasi ini, apakah contoh amalan toleransi?
- ◆ Pernahkah kamu bertoleransi dengan jiran? Ceritakan.


• **NOTA GURU** •

- Bimbing murid melakonkan situasi di atas.
- Bimbing murid menyatakan perasaan selepas aktiviti lakonan.

Apa itu
toleransi?

TOLERANSI
bermaksud
kesanggupan
bertolak ansur,
sabar dan
mengawal
diri bagi mengelakkan
berlakunya pertelingkahan
dan perselisihan faham
demi kesejahteraan hidup.





CIRI-CIRI AMALAN NILAI TOLERANSI

- ♥ Suka bertolak ansur dan tidak membesar-besarkan perkara kecil.
- ♥ Tidak mudah dipengaruhi emosi dan sentiasa bersabar apabila berhadapan dengan masalah.
- ♥ Tidak mudah marah, mengawal diri, berfikir, dan menyiasat terlebih dahulu untuk mendapatkan kebenaran sebelum bertindak.
- ♥ Berusaha untuk mengelakkan pertelingkahan dan perselisihan faham dengan orang lain.

AMALAN TOLERANSI DALAM HIDUP BERJIRAN

- Jiran kamu mengadakan persembahan Tarian Singa semasa sambutan Tahun Baru Cina. Kamu bersikap terbuka dan tidak membesarkan isu kecil seperti bunyi bising kerana sambutan Tahun Baru Cina hanya disambut sekali dalam setahun.



- Pokok bunga yang kamu tanam di hadapan rumah telah dirosakkan oleh individu yang tidak dikenali. Kamu bersabar dan mengawal diri supaya kamu dapat berfikir dengan waras untuk menyiasat punca sebenar kejadian tersebut bagi mendapatkan bukti.



- Kamu menjemput jiran kamu yang beragama Hindu ke majlis sambutan hari lahir kamu. Kamu tidak menyediakan hidangan daripada daging lembu kerana menghormati jiran kamu dan kepercayaannya.

Lengkapkan peta bulatan tentang contoh amalan toleransi dalam hidup berjiran.

berbincang

sabar

terbuka

perasaan

bertolak

membesarkan

1. Tidak _____ suatu
isu hingga tidak menemui jalan
penyelesaian.

6. Memahami

dan keperluan jiran.

2. Sanggup

ansur dalam membuat
keputusan.

**Contoh
Amalan
Toleransi**

5. Bersikap

dalam memberi dan
menerima pendapat.

3. Sentiasa

untuk mencapai
kesefahaman.

4. Bersikap _____
dan mengawal diri dalam apa
jua situasi.